

SURAT PERINTAH HADIR MEMBERI KETERANGAN

Jawi tahan 112 individu

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 112 individu ditahan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) dalam Operasi Bersepadu Premis Berisiko yang dijalankan di sekitar ibu ne-

gara, kelmarin.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataannya semalam, memaklumkan operasi itu dijalankan pihaknya melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar serta Pejabat Cawangan Titiwangsa.

“Beberapa agensi sahaja turut terbabit da-

lam operasi itu seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jawi.

“Sebanyak dua premis yang menjalankan aktiviti hiburan di Jalan Damai Perdana, Bandar Damai Perdana dan Jalan Doraisamy di sini diperiksa dalam operasi itu.

“Dalam operasi itu, 64 wanita dan 48 lelaki ditahan oleh Jawi bagi tujuan

Surat Perintah Hadir Memberi Keterangan mengikut Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah) 1997,” katanya.

Menurutnya, seramai 45 individu diarahkan untuk menjalani ujian saringan air kencing oleh AADK dalam operasi itu.

“Hasil pemeriksaan dilakukan, seramai tiga wanita dan tiga lelaki didapati positif methamphetamine dan

marijuana yang melakukan kesalahan mengikut Akta Penagih Dadah 1983.

“Selain itu, satu notis tawaran kompaun kesalahan turut dikeluarkan mengikut UUK Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016,” katanya.

Katanya, pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang dikenal pasti.